



 www.moh.gov.bn  corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI KHAMIS

25 Syawal 1443 / 26 Mei 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa semalam, Rabu, 24 Syawal 1443 bersamaan dengan 25 Mei 2022, sebanyak **133 dos** pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 34,074 dos iaitu **79.4%** bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 831 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun

yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 18,053 dos iaitu **42.1%**.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin ialah **70.0%**.

3. Hari ini, Khamis, 25 Syawal 1443 bersamaan dengan 26 Mei 2022, sebanyak **222 kes baru** telah dilaporkan yang mana kesemuanya adalah hasil daripada ujian ART. Sebanyak 333 ujian makmal *RT-PCR* yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu dan kesemuanya telah disahkan negatif COVID-19. Oleh itu,

jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **147,493** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*) dan **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sebanyak **267 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **145,694 kes**.

- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,576 kes** iaitu 6 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,570 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
- iv) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para salehin.. (Al-Fatihah).

4. Berikutan dengan situasi jangkitan COVID-19 yang pada masa ini dalam keadaan yang terkawal dan mengambilkira akan peratus vaksinasi di Negara Brunei Darussalam di tahap yang memuaskan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai penutupan Pusat Vaksinasi Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bermula pada hari Isnin, 29 Syawal 1443 bersamaan dengan 30 Mei 2022. Dengan penutupan Pusat Vaksinasi tersebut iaitu bermula pada hari Rabu, 1 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 01 Jun 2022, orang ramai yang tinggal di Daerah Tutong dan berhajat untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 boleh mendapatkannya di pusat-pusat kesihatan kerajaan di Daerah Tutong atau di Unit

Vaksinasi, Pejabat Kesihatan Daerah Tutong. Mereka adalah dinasihatkan untuk membuat tempahan terlebih dahulu bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 di fasiliti kesihatan pada hari dan waktu sepertimana yang tertera di skrin sekarang:

Penduduk Tadahan Bagi Pusat Kesihatan:	Tempat untuk mendapatkan Perkhidmatan Vaksinasi COVID-19:	Nombor Talian:	Waktu beroperasi
Pusat Kesihatan Pekan Tutong	Unit Vaksinasi, Pejabat Kesihatan Daerah Tutong	4260804	Isnin- Khamis & Sabtu : 07:45 pagi – 12:15 tengah hari 1:30 petang – 4:30 petang
Pusat Kesihatan Lamunin	Pusat Kesihatan Lamunin	4237397	
Pusat Kesihatan Telisai	Pusat Kesihatan Telisai	4244456	
Pusat Kesihatan Sungai Kelugos	Pusat Kesihatan Sungai Kelugos	4240646	

5. Teruskan melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dalam norma baru supaya kita akan dapat terus mengawal penularan COVID-19 di negara ini.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Syawal 1443 / 26 Mei 2022